



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG PENANG PORT COMMISSION

PEKELILING PELABUHAN BIL. 4/2024 PORT CIRCULAR NO. 4/2024

KEPADA: OPERATOR PELABUHAN, PEMILIK KAPAL, EJEN PERKAPALAN, EJEN PENGHANTARAN DAN SELURUH KOMUNITI PELABUHAN PULAU PINANG

TO: PORT OPERATORS, SHIP OWNERS, SHIPPING AGENTS, FREIGHT FORWARDERS AND THE ENTIRE PENANG PORT COMMUNITY

PERKARA: PERMOHONAN LESEN PERKHIDMATAN SAMPINGAN PELABUHAN PULAU PINANG - PENGUKURAN KARGO (KUALITI DAN KUANTITI TERMASUK DRAF SURVEY)

SUBJECT: APPLICATION FOR ANCILLERY SERVICES LICENSE IN PENANG PORT - CARGO SURVEY (QUALITY AND QUANTITY INCLUDING DRAFT SURVEY)

- | | |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>1. Syarikat Sdn. Bhd. atau Syarikat Bukan Sdn. Bhd. adalah dipelawa untuk menyediakan perkhidmatan memeriksa, menilai, mengukur kualiti dan kuantiti semua jenis kargo pukal termasuk kargo dalam bentuk cecair atau pejal untuk import / eksport bagi memastikan kualiti dan kuantiti kargo yang dimuatkan adalah sama seperti dalam dokumen berkaitan (<i>Delivery Order / Shipping Note</i> dan lain – lain).</p> <p>2. Perkhidmatan yang disediakan hendaklah dilesenkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan.</p> <p>3. Permohonan baharu atau permohonan memperbaharui hendaklah melalui Borang</p> | <p>1. <i>Private Limited Companies or Non-Private Limited Companies are invited to offer services encompassing the thorough examination, evaluation, and quantification of diverse bulk cargoes, encompassing both liquid and solid states, for import/export endeavours, with a focus on verifying that the quality and quantity of the cargo loaded conforms precisely to the pertinent documentation such as Delivery Orders, Shipping Notes, and related records.</i></p> <p>2. <i>The services rendered must obtain licensure from the Penang Port Commission and conform to the stipulated terms and conditions.</i></p> <p>3. <i>New applications or renewal requests shall be submitted through</i></p> |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

- Pemohonan yang dikepilkan bersama Pekeliling ini.
- the Applicant Form appended herewith.*
4. Permohonan juga hendaklah dikepilkan bersama dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan dengan jenis permohonan (baharu / memperbaharui). Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses untuk tindakan selanjutnya.
 5. Status permohonan akan diumumkan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas tarikh pengesahan oleh Pegawai yang diberi kuasa, dan pengeluaran lesen tertakluk kepada bayaran yang telah dibuat oleh pemohon.
 6. Tempoh sah laku lesen adalah bermula daripada tarikh kelulusan sehingga 31 Disember pada setiap tahun.
 7. Untuk permohonan baharu pada tahun 2024, tarikh tutup permohonan adalah pada 30 April 2024. Untuk tahun-tahun berikutnya, permohonan baharu atau memperbaharui hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 30 September setiap tahun.
 8. RM 1,000 akan dikenakan untuk tujuan pengeluaran lesen yang dipohon.
 9. Pegawai untuk dihubungi –
Encik Vethiswaran A/L Magaswaran
Telefon: 011-11985810
Emel: vethis@penangport.gov.my
4. *The application must be supplemented with pertinent supporting documentation corresponding to the nature of the application (new application or a renewal). Only fully completed applications will undergo further processing.*
 5. *The determination of the application's status will be disseminated within a span of fourteen (14) operational days subsequent to the date of endorsement by the duly authorized Officer, and the issuance of the license is contingent upon the remittance effected by the applicant.*
 6. *The period of validity for the license initiates from the date of approval and extends until the 31st of December annually.*
 7. *For new submissions in 2024, the application deadline is set for April 30th, 2024. In successive years, new submissions or renewals must be lodged on or prior to September 30th annually.*
 8. *A fee of RM 1,000 shall be levied for the issuance of the applied license.*
 9. *Office In-Charge –
Encik Vethiswaran A/L Magaswaran
Telefon: 011-11985810
Emel: vethis@penangport.gov.my*

Sekian, terima kasih

Thank you

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DR. VIJAYANDIARAN A/L R.VISWALINGAM
PENGURUS BESAR/GENERAL MANAGER

**SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG/
PENANG PORT COMMISSION**

Tarikh: 20.03.2024

**BORANG PERMOHONAN LESEN PERKHIDMATAN SAMPIANGAN PELABUHAN PULAU PINANG
- PENGUKURAN KARGO (CARGO SURVEY) (KUALITI DAN KUANTITI TERMASUK DRAF SURVEY)**

1. Kepada: Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	UNTUK KEGUNAAN RASMI		
	12. Tarikh Terima	13. No. Pendaftaran	
2. Nama dan Alamat Pemohon:	14. Kategori Pemohonan: Baharu / Memperbaharui**		
3. Nombor Pendaftaran Pemiagaan / Syarikat:	15. Kategori Syarikat: Sdn. Bhd. / Bukan Sdn. Bhd.**		
4. Tarikh Pendaftaran Pemiagaan / Syarikat: / /	16. Dokumen Disemak: Lengkap / Tidak Lengkap**		
5. Jumlah Modal Berbayar: RM _____			
PENGESAHAN PEMOHON	UNTUK KEGUNAAN UNIT ZON BEBAS KOMERSIL		
6. Saya mengesahkan bahawa keterangan dan dokumen yang dilampirkan untuk memohon / memperbaharui permohonan adalah benar dan masih sah serta bersetuju akan mematuhi terma dan syarat pelesenan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan lain-lain perundangan yang berkaitan.	17. Ulasan / Sokongan / Syor		
<p>.....</p> <p>Tarikh</p>	<p>.....</p> <p>Tandatangan</p>	<p>Diperakukan bahawa permohonan yang dimajukan adalah lengkap / tidak lengkap ** dan memenuhi / tidak memenuhi** syarat.</p>	
7. Nama:	<p>.....</p> <p>Tarikh</p>		<p>.....</p> <p>Tandatangan</p>
8. No. Kad Pengenalan:			
9. No. Telefon:			
10. Emel:			
11. Senarai Dokumen Sokongan			
Setiap Permohonan			
(a) Sijil Pendaftaran SSM samada Borang 9 atau Borang E			
Permohonan Baharu			
(a) Syarikat Sdn. Bhd.			
▪ Penyata Untung Rugi yang telah diaudit (jika syarikat telah lebih setahun berdaftar dengan SSM)			
▪ Penyata Kunci Kira-Kira yang telah diaudit (jika syarikat telah lebih setahun berdaftar dengan SSM)			
(b) Syarikat Bukan Sdn. Bhd.			
▪ Penyata bank selama 3 bulan (jika syarikat telah lebih setahun berdaftar dengan SSM)			
Memperbaharui Permohonan			
(a) Syarikat Sdn. Bhd.			
▪ Penyata Untung Rugi yang telah diaudit			
▪ Penyata Kunci Kira-Kira yang telah diaudit			
▪ Inbois Kerja			
▪ Lesen Perkhidmatan Sampingan Terdahulu			
(b) Syarikat Bukan Sdn. Bhd.			
▪ Penyata bank selama 3 bulan			
▪ Inbois Kerja			
▪ Lesen Perkhidmatan Sampingan Terdahulu			
Dokumen Tambahan			
▪ Maklumat Juruukur, Kelayakan, Pengalaman dan Keahlian /Resume / Curriculum Vitae			
▪ Senarai Pekerja			
▪ Surat Perlantikan daripada Syarikat Perkapalan (Surat 1)			
▪ Surat Perlantikan daripada Syarikat Perkapalan (Surat 2)			
	<p>.....</p> <p>Pengurus Besar</p> <p>Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang</p>		
	<p>Tarikh: ____/____/____</p>		
	* Potong mana-mana yang tidak berkenaan /		

**TERMA DAN SYARAT PELESENAN PERKHIDMATAN SAMPINGAN PELABUHAN PULAU PINANG
- PENGUKURAN KARGO (CARGO SURVEY) (KUALITI DAN KUANTITI TERMASUK DRAFT SURVEY)**

- (a) *Tiada sebarang perkhidmatan pemeriksaan dibenarkan untuk dilaksanakan di Pelabuhan Pulau Pinang tanpa lesen yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya dan masih dalam tempoh sah laku;*
- (b) *Pengisytiharan/pengemukaan laporan berkaitan pemeriksaan yang dijalankan perlu dimaklumkan kepada Suruhanjaya setiap kali selesai pemeriksaan atau bila-bila masa diarahkan oleh Suruhanjaya;*
- (c) *Lesen atau salinan lesen hendaklah sentiasa dipaparkan ketika perkhidmatan dijalankan dan hanya sah di Pelabuhan Pulau Pinang;*
- (d) *Pemegang Lesen hendaklah mempunyai polisi insurans dengan mana-mana syarikat insurans dan memastikan polisi perlindungan insurans tersebut meliputi:*
 - i. *Insurans liabiliti termasuk kepada kecederaan atau kematian pekerja syarikat atau pihak ketiga dan kenderaan yang terlibat dalam perkhidmatan yang dilesenkan; dan*
 - ii. *Perlindungan insuran kepada bangunan, dermaga, struktur, peralatan dan mesin yang diberikan kebenaran oleh pihak Suruhanjaya bagi menjalankan perkhidmatan.*
- (e) *Pemegang lesen adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan semasa berada di Pelabuhan Pulau Pinang-dan perlu memastikan perkhidmatan dijalankan mengikut garis panduan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya;*
- (f) *Pemegang Lesen hendaklah memastikan pada setiap masa mematuhi semua Undang-Undang berkuatkuasa di Malaysia;*
- (g) *Suruhanjaya tidak bertanggungjawab ke atas segala apa-apa tindakan saman, tuntutan, kerugian, kos kerosakan, kecederaan dan denda yang mungkin timbul ke atas mana-mana pihak samada secara langsung atau tidak disebabkan oleh perkhidmatan di Pelabuhan Pulau Pinang;*
- (h) *Pemegang Lesen hendaklah memberikan indemniti dari segala bentuk dari dan terhadap semua tindakan, tuntutan, kos, kerugian, ganti rugi, denda dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Suruhanjaya, dibayar atau atas apa-apa perkara yang disebabkan oleh perkhidmatan oleh Pemegang Lesen dan/atau atas sebah sebarang kelalaian atau peninggalan atau tindakan oleh Pemegang Lesen, pekerja, ejen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pemegang Lesen berkenaan dengan atau akibat dari sebarang kecuaiian, peninggalan atau tindakan oleh Pemegang Lesen, pegawainya, ejen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pemegang Lesen menyebabkan Pemberi Lesen tidak mematuhi undang-undang, undang-undang kecil, peraturan dan arahan;*
- (i) *Pemegang Lesen hendaklah membenarkan pegawai Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang menjalankan pemeriksaan secara rawak ke atas kemampuan seseorang juruukur dalam melaksanakan tugasnya.*
- (j) *Suruhanjaya berhak, pada bila-bila masa menurut budi bicaranya untuk membatalkan atau menggantung lesen selama tempoh dirasakan perlu jika didapati Pemegang Lesen memberikan maklumat palsu atau pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan;*
- (k) *Terma dan Syarat bagi lesen akan diteliti, dikemaskini dan dimaklumkan kepada Pemegang Lesen dari semasa ke semasa. Suruhanjaya berhak membuat pindaan, penambahan atau membatalkan sebarang terma dan syarat lesen tanpa sebarang notis awal kepada pemegang lesen.*